

27 MAY 1998

Dompok-Jawatan

DOMPOK UMUM BARISAN BARU KABINET SABAH ESOK

KOTA KINABALU, 27 Mei (Bernama) -- Tan Sri Bernard Dompok yang akan mengangkat sumpah jawatan sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru di bawah sistem penggiliran jawatan itu di negeri ini esok, dijangka akan mengumumkan barisan kabinet negeri selepas upacara itu.

Dompok yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) berkata ia (kabinet baru negeri) akan diketahui selepas majlis angkat sumpah jawatan beliau yang dijangka berlangsung pukul 10 pagi di Istana Negeri di sini.

Setakat ini beberapa pihak dan parti politik di Sabah telah menyuarakan hasrat agar mereka diberi perwakilan dalam kabinet negeri.

Mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin lepas, Dompok berkata, beliau mengambil kesempatan itu untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi kepercayaan untuk menerajui kerajaan negeri serta mengetuai Barisan Nasional (BN) Sabah.

"Saya juga dapat berbincang dengan beliau mengenai isu dan perkara yang perlu diberi keutamaan di Sabah dan kesemua ini akan dibincangkan dalam kabinet kelak," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri mesyuarat mingguan kabinet di sini.

Datuk Yong Teck Lee mempengerusikan mesyuarat berkenaan buat kali terakhir selaku Ketua Menteri sebelum melepaskan jawatan itu esok.

Mengenai perancangannya selaku Pengerusi BN Sabah, khususnya bagi menghadapi pilihan raya negeri yang akan datang, Dompok berkata, apa yang akan dilakukan ialah meneruskan segala perancangan yang telah ditetapkan.

"Sebenarnya persiapan seperti itu memang sudah ditetapkan oleh BN. Apa yang berlaku hanyalah pertukaran bagi pengerusi BN negeri. Segala persiapan yang telah ditetapkan oleh Pengerusi BN yang lepas, akan diteruskan," kata beliau.

Terpulanglah kepada rakyat untuk membuat pilihan, katanya.

"Apa yang penting ialah kita buat sebaik mungkin untuk memberi khidmat kepada rakyat dan selepas itu rakyat akan memilih siapa yang layak diberi mandat untuk mentadbir Sabah," katanya.

Beliau juga berkata sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri telah berjaya untuk Sabah kerana ia memberi peluang kepada tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- untuk memimpin kerajaan negeri.

-- BERNAMA

JS WAT